

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

**TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah kesan daripada krisis bekalan air di Selangor dan anggaran jumlah penduduk yang terjejas serta kos kewangan dan kehilangan kepada industri-industri. Apakah perancangan proaktif daripada Kerajaan dan agensi supaya ianya tidak berulang dan menjejaskan keperluan asa dan kegiatan ekonomi yang berkaitan.

JAWAPAN

1. Krisis bekalan air di Selangor pada awal tahun 2014 adalah disebabkan oleh kekurangan sumber air mentah berikutan keadaan cuaca yang panas dan kering telah mengakibatkan paras simpanan air di empangan-empangan semakin merosot hingga mencapai tahap kritikal.
2. Kesannya, loji-loji rawatan air telah diminta untuk mengawal pengambilan air mentah dari sungai-sungai menyebabkan jumlah air terawat yang dibekalkan kepada para pengguna terpaksa dihadkan. Hal ini menyebabkan operator pengagihan air terpaksa melaksanakan catuan air di kawasan-kawasan yang terjejas yang melibatkan 6.7 juta pengguna di Selangor. Krisis bekalan air yang berlaku juga telah memberi impak negatif terhadap pihak industri yang melibatkan kerugian yang besar. Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), 30 syarikat telah mengalami kerugian akibat catuan air yang dilaksanakan.
3. Oleh itu, bagi mengelakkan krisis air berlaku lagi di masa hadapan, Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah memulakan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2

(LRAL2) yang merupakan sebahagian daripada Skim Bekalan Air dari Pahang ke Selangor. Dengan siapnya LRAL2 pada tahun 2017, kapasiti bekalan air di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan dapat ditingkatkan sebanyak 1,130 juta liter sehari (JLH) dan dapat menjamin bekalan air sehingga tahun 2025. Di samping itu, kebergantungan terhadap sumber air mentah dari Sungai Selangor akan dapat dikurangkan dengan adanya sumber air mentah baharu dari negeri Pahang.

4. Sementara menunggu projek LRAL2 disiapkan pada tahun 2017, Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan projek-projek mitigasi bagi mengurangkan impak ketidakcukupan bekalan air kepada pengguna. Selain itu, saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor juga sedang mengambil beberapa langkah untuk memastikan kecukupan sumber air mentah terutamanya bagi menghadapi musim panas yang akan datang.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]
SOALAN : 47

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian boleh memberikan data-data dan rekod kaji cuaca ekstrem (suhu, hujan, angin, jerebu, gempa bumi dan lain-lain) dan kes-kes bencana yang berkaitan. Berapakah jumlah pakar dan saintis kaji cuaca yang ada dan adakah ianya mencukupi untuk menangani cabaran-cabaran perubahan cuaca global yang mengancam penduduk dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bertanggungjawab di dalam membekalkan pelbagai perkhidmatan meteorologi seperti pembekalan data meteorologi dan geofizik, ramalan cuaca, tinjauan cuaca jangka panjang, amaran cuaca buruk seperti laut bergelora, angin kencang, hujan lebat yang berpotensi mengakibatkan banjir dan tanah runtuh, amaran ribut tropika, pemantauan jerebu dan debu gunung berapi, pemantauan gempa bumi dan tsunami secara

konsisten dan efisien bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Bagi memastikan pemantauan elemen cuaca seperti suhu, tekanan udara, kelembapan, jumlah hujan, jenis dan ketinggian awan, cuaca semasa serta ketampakan dijalankan dengan cekap dan berkesan, kerajaan telah memperlengkapkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dengan peralatan meteorologi yang canggih dan setanding dengan peralatan yang diguna pakai oleh negara maju seperti sistem radar cuaca, sistem penerimaan data satelit dari satelit negara Jepun, China dan Amerika Syarikat. Selain daripada itu, MetMalaysia juga mempunyai 43 buah stesen meteorologi permukaan, 140 buah stesen cuaca automatik (AWS), 23 buah stesen kualiti udara yang mencerap zarah-zarah terampai, gas-gas reaktif, gas rumah hijau, sinaran ultraungu dan pемendapan berasid. Sementara itu, bagi pemantauan gempa bumi dan tsunami pula, MetMalaysia mempunyai 17 buah stesen seismik, 17 buah tolok pasang surut dan 18 buah kamera pantai. Kesemua data-data meteorologi dan geofizik akan disemak dan disahkan sebelum disimpan serta diarkibkan di dalam pangkalan data di MetMalaysia. Daripada kesemua rekod-rekod yang telah disemak dan di analisa, beberapa data ekstrem telah diperoleh sebagaimana di dalam **LAMPIRAN I**. Data-data ini dapat dibekalkan mengikut permohonan dan tertakluk di bawah Akta Fi 1951 Perintah Fi (Perkhidmatan dan Penerbitan Jabatan Meteorologi Malaysia) 2010.

Dari segi kepakaran, Jabatan Meteorologi Malaysia mempunyai seramai 223 orang pegawai meteorologi daripada perkhidmatan sains iaitu gred C41 hingga Gred Utama B. Daripada jumlah tersebut seramai 5 orang mempunyai ijazah PhD, 54 orang ijazah sarjana dan 164 mempunyai ijazah sarjana muda dengan kepujian. Di samping itu,

seramai 3 orang pegawai sedang melanjutkan pelajaran pada peringkat PhD dan 7 orang pada peringkat sarjana.

Selain daripada pengajian pada peringkat sarjana/PhD, pegawai-pegawai di Jabatan ini juga mendapat latihan kemahiran dalam pelbagai bidang meteorologi dan geofizik di negara-negara maju seperti Jepun, Korea, China, dan sebagainya.

Dengan jumlah pegawai meteorologi yang terlatih dan yang mempunyai ijazah sarjana/PhD hampir satu per tiga (1/3) daripada jumlah keseluruhan pegawai, maka adalah mencukupi untuk MetMalaysia menjalankan operasi hariannya dengan cekap dan berkesan. Ini termasuklah juga kerja-kerja penyelidikan dan penganalisan berkaitan dengan perubahan cuaca global yang dilakukan secara dalaman dan juga secara kolaborasi dengan pihak Institusi Pengajian Tinggi dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN I

Data Iklim Ekstrem Di Malaysia

Suhu Tertinggi	Chuping	40.1°C (9 April 1998)
	Cameron Highlands	27.9°C (27 Mei 1998)
Suhu Terendah	Chuping	16.1°C (4 Januari 2014)
	C. Highlands	2.1°C (6 Januari 1937)
Lokasi Paling Lembab	Menunuk (Sabah)	5720 mm/tahun
	Bukit Larut (Semenanjung)	4312 mm/tahun
Lokasi Paling Kering	Kolam Tomani (Sabah)	1318 mm/tahun
	Kuala Pilah (Semenanjung)	1593 mm/tahun
Hujan Paling Lebat Dalam Sehari	Kota Bharu (Semenanjung)	608.1 mm (6 Januari 1967)